

**OKT
2020**

LAPORAN BERKALA

**AKTIVITI JAWATANKUASA ALUMNI
DAN JALINAN INDUSTRI ISB**



JALINAN INDUSTRI

UM (ISB)-HITV Laboratory Sdn Bhd
ISB - Bioeconomy Corporation
Penceramah Jemputan

ALUMNI

Dare to be Different Talk
Series

Mesyuarat Kolaborasi

UM (ISB) - HITV LABORATORY SDN BHD



KEPUTUSAN DIPERSETUJUI BERSAMA

a) Selain daripada apa yang dibentangkan oleh Dr. Rubben, pihak HITV akan berusaha untuk menyediakan cadangan tambahan yang lebih khusus mengenai kolaborasi.

b) Pihak ISB akan membincangkan beberapa proposal teras khusus (seperti natural product, drug efficacy, delivery & treatment in hospital) melibatkan:

- Jenis jangka pendek dan jangka panjang
- Pelajar Ijazah Dasar menjalankan projek penyelidikan tahap akhir dan Latihan Industri, serta pelajar Ijazah Tinggi (peringkat Sarjana dan PhD).

c) Proposal daripada kedua-dua pihak ini akan dibincangkan dalam perjumpaan kedua.

KEHADIRAN

ISB

Prof Madya Dr Saharuddin bin Mohamad
Prof Madya Dr Durriyyah Sharifah Hasan Adli
Dr Gokula Mohan a/l Duchiyanda Mohan
Dr Nuradilla Mohamad Fauzi
Dr Shamsul Azlin Ahmad Shamsuddin

Dr Nurul Kabir Nurul Bashar
Alireza Pirahmadian
Ainul Fatimah Mohd Alimin
Suhaimi Mohd Draman

HITV Laboratory Sdn Bhd

Dr Shorubben Chinetamby (CEO)
Puan Farhana Abdul Rahman

1 OKTOBER 2020 - 2.30 PM

Satu mesyuarat kolaborasi telah diadakan antara pihak ISB dengan wakil HITV Laboratory Sdn Bhd di Bilik SA1, ISB. Sebagai syarikat R&D, mereka lebih tertumpu kepada penyelidikan *regenerative and cellular medicine* yang boleh diaplikasikan kepada bidang rawatan perubatan. Syarikat ini telah mempunyai kolaborasi dengan kumpulan penyelidik tempatan dan luar negara. Setakat ini penyelidikan tertumpu kepada penyakit-penyakit seperti diabetes dan osteoporosis. Kini mereka ingin terlibat dengan penyelidikan berkenaan Stem Cell Therapy.

CADANGAN AM KOLABORASI

- R&D (cth CGMP Lab, clinical trials, penerbitan)
- Regulatory (cth Kementerian Kesihatan Malaysia, Pusat Perubatan, International Standard)
- Commercial (cth cellular therapy, produk, khidmat saringan, pemasaran, penjenamaan)



Mesyuarat atas talian

ISB - BIOECONOMY CORPORATION



7 OKTOBER 2020 - 2PM

Satu mesyuarat atas talian telah dijalankan dengan pihak Bioeconomy Corporation, sebuah agensi kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Mesyuarat ini membincangkan program Bioekerjaya @ My Future Agro Program. Program ini merupakan sebuah skim insentif bagi membantu para graduan, golongan yang tiada pekerjaan atau hilang pekerjaan untuk mendapatkan kerja dalam sektor Pertanian dan Makanan. Majikan berdaftar dengan Bioekerjaya akan diberikan subsidi gaji untuk membayar pekerja, manakala pekerja akan diberikan *on the job training* dalam pelbagai bidang berkaitan.

BIOEKERJAYA My Future Agro

penjana

Bioekerjaya@ My Future Agro Program, an initiative carried out by Bioeconomy Corporation under the National Economic Recovery Plan (PERUMANA), is a 'willing incentive' scheme that promotes job creation among employees while increasing employment prospects for the unemployed, post-graduate, post-school, and retrained workers.

Work & Get Trained

Skills Training Program 100% FUNDED COURSES

Company

Individual

Criteria

Company Registered
Before 30 August 2020

Registered in
Biotechnology, Agriculture, Agrofood & Bio-based Industry

Employers' Incentives

6 month (max)

RM800 < 40 year olds

RM1000 > 40 year olds & ♿

Criteria

Age 18-55

Registered in
Biotechnology, Agriculture, Agrofood & Bio-based Industry

Unemployed

Graduates & School Leavers

Employers' Incentives

Mobility Allowance

RM600 > 30 days (max)

RM1000 > 30 days (max)

For more information

www.bioekerjaya.my

Sh: 03-211 6 5388 Hq: 03-211 6 5495

019-201 9367

bioekerjaya@bioeconomycorporation.my

PERANAN ISB

1. Menjalankan promosi dan menawarkan kepada pelajar yang bakal graduan serta alumni ISB
2. Menyediakan maklumat latihan yang boleh ditawarkan di bawah Bioekerjaya.
3. Menyampaikan maklumat kepada rakan industri tentang Bioekerjaya

KEHADIRAN

ISB

Prof Madya Dr Saharuddin bin Mohamad
Prof Madya Dr Chandran Somasundram
Prof Madya Dr Ghufran Redzwan
Dr Amy Then Yee Hui
Dr Chang Siow Wee
Dr Muhammad Afiq Aziz
Dr Sheena Tiong
Dr Lim Yat Yuen
Dr Gokula Mohan a/l Duchiyanda Mohan
Dr Zuliana Razali

Bioeconomy Corporation

Encik Fadzrin Azwar Abdul Aziz
(Vice President, Strategic Ventures)
Puan Christable Loni Jiram
(Manager, Strategic Ventures)

Webinar Biokerjaya

ISB-BIOECONOMY CORPORATION

20 OKTOBER 2020 - 1 PM

Webinar antara pelajar dan alumni ISB dengan Bioeconomy Corporation telah dijalankan bagi memberi penerangan tentang program Biokerjaya. Webinar ini juga memberi peluang kepada pelajar dan alumni untuk mendapat maklumat dan penerangan lanjut. Webinar telah berlangsung selama 1 jam dan melibatkan seramai 55 orang peserta. Puan Christabel dari Bioeconomy telah memberi pembentangan yang jelas dan menjawab persoalan peserta. Peserta yang berminat diminta untuk melayari portal rasmi www.Biokerjaya.my untuk mendaftarkan diri dan melihat peluang pekerjaan yang diiklankan di portal tersebut.

UNIVERSITI MALAYA

ISB-BIOKERJAYA WEBINAR!

Interested to know more about Biokerjaya?
Join us in a webinar with
Ms Christabel Loni from
Bioeconomy Corporation
to discuss this program

Tuesday, 20 October 2020
1:00-2.00 PM

CLICK [HERE](#) TO JOIN

Organised by ISB Alumni and Industry Networks

Christa LJ is presenting

sarah solehah and 45 more

55 1:15 PM You

OVERVIEW

- Unemployed & loss of jobs due to COVID19.
- No age limit.

Training – RM4,000/pax

Workshop Development Skills
Learn TRAINING Teaching Knowledge Coaching

Trainee on soft skills.

IMMEDIATE PLACEMENTS

✓ Allowance for 6 months – RM800/ RM1,000 per month
✓ Mobility allowance

We're HIRING

Post 6 months

- FULL-TIME JOB
- PART-TIME JOB

- Absorbed as permanent staff
- Trained & equipped with experience – jobs in other industries

(i) BioNexus companies
(ii) BCDP companies
(iii) SUPERB (TERAJU)
(iv) High Impact Companies (Multinational cos)
(v) Companies listed in Impact Assessment Report (SSM)
(v) Bio-based agriculture companies

ENTREPRENEUR

- Contract farmers
- BCDP programs




Zoom meeting interface showing participants: You, Christa LJ, Muhammad Amirul ..., Zuha Zarrin, Khaleeda Karim, Pirisha Sayal.

Turn on captions

Christa LJ is presenting

Dare to Be Different

TALK SERIES



21 OKTOBER 2020 -1250 PM

Siri ceramah ini dimulakan dengan alumni Genetiks , Encik Elmi Aman Najas, CEO, AIA PUBLIC Takaful Bhd. Seramai 72 peserta telah mengikuti ceramah atas talian yang berlangsung selama satu jam.

Dalam ceramah tersebut , beliau berkongsi pengalaman beliau dari kehidupan di universiti sehingga ke alam pekerjaan. Beliau menekankan beberapa kemahiran dan ciri-ciri yang perlu ada untuk berjaya dalam dunia pekerjaan dalam apa jua bidang sekalipun.


Antara intipati yang lain adalah bagaimana pendedahan dan pembelajaran ilmu sains memainkan peranan penting dalam cara beliau bekerja dan bagaimana aktiviti di luar kelas telah membantu beliau memperoleh kemahiran berorganisasi dan berkomunikasi. Ditanya mengenai norma atas talian, beliau menasihati agar pelajar mempelajari teknologi atas talian, belajar berkomunikasi dengan cekap sewaktu kelas atas talian, kerana ini juga merupakan norma baru dunia pekerjaan.

"Twenty years from now you will be more disappointed by the things that you did not do than by the ones you did do. So throw off the bowlines. Sail away from the safe harbor. Catch the trade winds in your sails. Explore. Dream. Discover."

Mark Twain


Syarahanan Jemputan

SIV 2003 COMPUTER OPERATING SYSTEM



27 OKTOBER - 12-12.50 PM

Program 'Alumni & Industrial Guest Lecture in Teaching & Learning' telah diadakan pada 27 Oktober 2020. Siri ceramah untuk kali yang pertama ini telah menjemput Dr Teo Bee Guan dari Monash University Malaysia. Beliau merupakan Alumni Program Bioinformatik dari tahun 2002/2003 dan telah menyampaikan ceramah bertajuk 'Data Analytics and Linux Operating System'.




Dalam ceramah yang disampaikan, beliau telah berkongsi pengalaman beliau di industri berkenaan kemahiran-kemahiran penting yang perlu ada untuk melibatkan diri dalam bidang Data Analitik. Dengan perkongsian ilmu dan pengalaman ini, ia memberi pendedahan kepada para pelajar tentang alam pekerjaan yang mungkin akan mereka ceburi di masa hadapan nanti



'Bioinformatics turns something unfathomable into something we can visualize'

Syarahan Jemputan

SIR3017 IMUNOLOGI LANJUTAN




30 OKTOBER - 10 AM

Dr Ng Wei Lun, seorang *postdoc* dari sebuah institut penyelidikan terkemuka dunia, Francis-Crick Institute, London, United Kingdom yang juga merupakan alumni Universiti Malaya, menyampaikan syarahan bertajuk “Human-Toxoplasma interaction in human macrophages” bagi modul Imunologi Lanjutan SIR3017. Syarahan ini telah berlangsung atas talian pada 30 Oktober 2020 selama 1.5 jam dengan menggunakan platform Google Meet. Seramai ~30 pelajar dan pensyarah telah menghadiri syarahan ini.


Dalam syarahan tersebut, Dr Ng Wei Lun telah menjelaskan dan berkongsi secara mendalam tentang penyelidikan beliau berkenaan interaksi antara Toxoplasma dan ‘human brain macrophages’ serta kepentingan mempelajari, mengkaji dan memahami interaksi sebegini, contohnya sebagai strategi terapeutik. Pelajar juga telah didedahkan tentang bagaimana pengetahuan asas imunologi dapat diaplikasikan dalam penyelidikan dan seterusnya dalam aplikasi terapeutik, contohnya penyakit zoonotik mahupun penyakit berkaitan sistem imun.

Toxoplasma as a global burden

Fig. 1. Global status of *Toxoplasma gondii* seroprevalence



Human immunity to *Toxoplasma gondii*



Syarahan yang sangat menarik dan informatif ini telah diikuti oleh sesi soal jawab yang berlangsung selama 30 minit di mana terdapat pelbagai soalan penting dan menarik dari para peserta. Di dalam sesi soal jawab juga, Dr Ng Wei Lun turut berkongsi pengalaman menarik beliau menjalankan penyelidikan di luar negara di sebuah institusi penyelidikan tersohor serta ciri-ciri yang harus ada pada pelajar yang ingin menceburi bidang penyelidikan.

Syarahanan Jemputan

SIL3015

CURRENT TOPICS IN GENETICS & MOLECULAR BIOLOGY

30 OKTOBER 2020

Encik El Law merupakan pengasas dan CEO syarikat konglomerat bioteknologi, Revongen Corp Sdn Bhd. Beliau telah berkongsi bersama ~37 pelajar tentang bagaimana untuk meletakkan diri dalam era teknologi dan norma baharu pandemik semasa. Pelajar yang mengikuti syarahan atas talian ini kebanyakannya merupakan pelajar SIL 3015 tetapi ia turut disertai oleh pelajar Tahun 3 modul lain.

Beliau memulakan syarahan dengan menyatakan bahawa dengan norma baru yang disebabkan oleh pandemik Covid-19, masyarakat secara amnya lebih peka dan mengambil berat tentang kepentingan sains. Oleh itu, pada pendapat beliau, ini membuka lebih banyak peluang untuk pelajar jurusan Sains. Namun, beliau menegaskan bahawa inovasi merupakan kunci kejayaan dalam bidang bioteknologi.

Beliau berkongsi perjalanan kerjayanya sendiri sebagai contoh bagaimana untuk TIDAK menjadi *entrepreneur* tetapi *TECHNOpreneur* dengan menggunakan ilmu sains biologi yang diperolehi dari universiti dan pengalaman beliau selama menjadi penolong penyelidik di National University of Singapore. Beliau menekankan tentang kepentingan menambah nilai ke atas produk menggunakan ilmu saintifik untuk menjadi peneraju dalam industri. Semasa sesi soal jawab, beliau berbincang dengan pelajar apa peluang yang relevan dan berpotensi, serta *trend* yang sesuai untuk diterokai di Malaysia. Antaranya adalah 1) Sains dan bisnes Halal 2) biodiversiti.

